

22/02/2004

Buku Pengembaraan Ibn Battutah siap 10 tahun

Azran Jaffar

PADA usia 22 tahun, Syeikh Abu Abdillah Muhammad Ibn Battutah yang berasal daripada golongan fuqaha keluar bersendirian dari kampungnya di Tanjah, Maghribi untuk mengunjungi tempat suci Islam seluruh dunia.

Perjalanan yang bermula pada 2 Rejab 725 Hijrah bersamaan 14 Jun 1325 Masihi itu kemudian membawa beliau ke Mesir, Arab Saudi, Syam (Syria), Damsyik, Baghdad, Turki termasuklah India, Russia/Siberia, Sumatera dan juga China.

Pelbagai peristiwa dan kejadian ditemui dan dilihatnya sepanjang perjalanan selama 29 tahun itu dan semuanya dicatatkannya di dalam buku Rihlah Ibn Battutah.

Empat ratus tahun selepas perjalanan sejauh 75,000 batu (120,000 km) itu, Rihlah Ibn Battutah tersebar di kalangan sarjana di Afrika Utara, Afrika Barat, Mesir serta beberapa negara yang menggunakan bahasa Arab, namun ia hanya diketahui di luar negara Islam pada awal kurun ke-19.

Catatan pengembaraan Ibn Battutah itu kini boleh ditatap dalam bahasa Melayu hasil usaha Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) selama 10 tahun untuk disiapkan..

Buku terjemahan Pengembaraan Ibn Battutah membabitkan usaha empat tenaga kerja, iaitu Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Muhammad Dom yang bertindak sebagai penterjemah serta bekas Ketua Pengarah IKIM, Datuk Ismail Ibrahim dan Wan Roslili Abdul Majid yang bertindak sebagai penyunting.

Wan Roslili yang juga Pegawai Penyelidik IKIM, berkata ilham menterjemahkan buku berkenaan datanginya dari bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir pada 1993 yang mana menyatakan ia adalah satu karya agung yang boleh diterjemahkan.

Katanya, apa yang kami dapat jangkakan daripada cadangan Dr Mahathir itu adalah mungkin Dr Mahathir berasakan kisah pengembaraan Ibn Battutah adalah sesuatu yang penting dan patut diteladani masyarakat kita.

Tambahan pula karya ini penuh dengan maklumat dan ilmu dan apa yang lebih menarik, Ibn Battutah tidak menyembunyikan apa yang dilihatnya, katanya.

Katanya lagi, berbanding Marco Polo, Ibn Battutah adalah pengembara yang jujur kerana Marco Polo tidak mencatatkan semua peristiwa dan perjalanan yang dilaluinya dan menyimpannya sebagai maklumat peribadi.

Pelancaran buku berkenaan disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga mendapat jolokan Putera Pelayaran pada satu majlis di ibu negara, baru-baru ini.

Syed Nurul Akla berkata, jika dikatakan selama 10 tahun mungkin akan ada yang tertawa mendengarnya, namun inilah hakikatnya kerana kerana kami mahukan hasil yang benar-benar memuaskan, bukan sekadar janji siap.

Kerja penterjemahan hanya mengambil masa empat tahun, tetapi proses penyuntingan dan membuat indeks serta glosari yang memerlukan masa tambahan, kata Syed Nurul Akla yang mengusahakan terjemahan itu sejak masih menjadi pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau yang kini bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Bahasa Asing, Universiti Putra Malaysia berkata, ada banyak istilah dan tempat serta perkara yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan hasil kerja ini tepat.

Bersama Adi Setia yang kini bertugas sebagai Fellow Penyelidik dalam bidang sejarah dan falsafah sains di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam

Antarabangsa (ISTAC), mereka berdua gigih memastikan terjemahan itu siap walaupun terpaksa bergelumang dengan tuntutan meneruskan pengajian pada peringkat sarjana.

"Kami berasa begitu dekat dengan karya ini dan inilah antara pendorong untuk kami menghasilkan terjemahan ini dengan sebaiknya dan inilah hasilnya selepas sepuluh tahun," kata Syed Nurul Akla.

Tugas ini bukan sekadar menterjemah dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, tetapi juga membuat penyelidikan dan rujukan dengan mereka yang pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Katanya lagi: "Untungnya kami bertugas di sebuah institusi pendidikan maka ada banyak pensyarah yang boleh dirujuk, sebagai contoh dalam bab yang menceritakan wabak maut hitam kami merujuk kepada mereka yang pakar dalam bidang perubatan untuk memastikan punca wabak berkenaan."

"Begitu juga, sebagai contoh perkataan Qarun dan Qurban, apa yang dimaksudkan bukan mengikut apa yang kita fahami pada masa ini yang menyebabkan kami perlu merujuk kepada pakar bahasa Arab," katanya.

Tetapi bagi perkataan-perkataan yang agak sukar mereka memberikan penerangan yang dimuatkan dalam nota bab.

Syed Nurul Akla berkata: "Jika hendak dibandingkan, terjemahan karya ini ke dalam bahasa Inggeris yang diusahakan The Hakluyt Society mengambil masa 78 tahun, tetapi kita hanya 10 tahun."

Terjemahan ke dalam bahasa Inggeris diterbitkan pada 1958 yang diusahakan Profesor HAR Gibb. Bagaimanapun yang diterbitkan bukanlah keseluruhan teks tetapi hanyalah siri (volume) pertama.

Semuanya ada lima siri yang mana siri terakhir diterbitkan pada 2000. Profesor Gibb mengusahakan hingga siri keempat saja yang diterbitkan pada tahun 1962, 1971 dan 1994.

Tetapi bagi siri keempat beliau hanya sempat melakukan sebahagian saja kerana meninggal dunia akibat serangan angin ahmar yang kemudian diteruskan oleh Profesor CF Beckingham manakala siri kelima diusahakan Profesor ADV Bivar yang diterbitkan pada tahun 2000.

Adi Setia berkata, ini juga bermakna terjemahan ke dalam bahasa Inggeris berjalan seiring dengan terjemahan di dalam bahasa Melayu.

Bagaimanapun, selain bahasa Inggeris, kisah pengembaraan Ibn Battutah ini juga diterjemahkan ke dalam bahasa antaranya Perancis, Jerman, Russia dan Jepun. Bagi terjemahan ke dalam bahasa Perancis ia lengkap tetapi untuk bahasa-bahasa lain ia hanya mengambil sebahagian saja.

Syed Nurul Akla berkata, untuk terjemahan ke dalam bahasa Melayu mereka menggunakan karya yang diterbitkan oleh Dar al-kotob al-Ilmiyah, Beirut. Teks asal Rihlah Ibn Battutah kini disimpan di Perpustakaan Bibliotek, Peranchis.

Sungguhpun terbabit dalam terjemahan itu, namun kata Syed Nurul Akla mereka tidak berkesempatan untuk membuat kajian di perpustakaan berkenaan walaupun keinginan untuk melihat teks asal itu sungguh besar.

Syed Nurul Akla dan Adi Setia yang fasih dalam bahasa Arab berkata, kerja penterjemahan awal tidak begitu sukar namun apa yang lebih mencabar ialah kerja berkaitan berikutnya.

Kata Wan Roslili, ini bagi memastikan tidak ada yang tertinggal dan sebagai penyunting beliau terpaksa meneliti terjemahan dan pada masa sama juga merujuk teks yang digunakan.

"Ada masanya kami bekerja hingga jam 2 - 3 pagi, sehinggakan pernah Hari Raya Haji disambut dengan meneliti terjemahan ini, bahkan untuk menyiapkan indeks saja memakan masa dua tahun, itu belum masuk sampai ada yang jatuh sakit," kata Syed Nurul Akla.

Apa pun, semua mereka mengakui Rihlah Ibn Battutah adalah karya sastera pengembaraan yang sarat dengan bahasa yang indah dan faktor ini juga memberikan satu cabaran kepada mereka dan mampu menyelesaikan tugas itu

adalah satu kepuasan yang sukar untuk diungkapkan.